

Muwatta' Imam Malik: Kitab Hadith Dan Fiqh Yang Terawal

Prof. Madya Mohamed Kamil Hj. Ab. Majid

Abstract

Kitab al-Muwatta' is regarded as a precious heritage of Islamic literature. It is not only a collection of Hadith but also an authoritative book on fiqh referred to by muslim scholars. The review covers the multi-disciplinary aspect of its contents.

Kitab *al-Muwatta'* boleh dianggap sebuah buku warisan Islam yang istimewa. Ini kerana selain ianya bersifat himpunan hadith, ia juga bersifat buku fiqh.

Ide awal tentang pengumpulan hadith sebenarnya telah timbul lebih awal dari zaman Imam Malik lagi iaitu pada zaman Umar Ibn al-Khattab. Namun 'Umar sendiri keberatan melaksanakan ide tersebut kerana bimbang hadith akan bercampuraduk dengan ayat-ayat al-Quran. Hasilnya hadith-hadith terus direkodkan dan dipelihara melalui method hafalan. Meskipun begitu Abu Hurayrah ada meriwayatkan bahawa 'Abdullah Ibn 'Umar ada menuliskan hadith.

Kemudian 'Umar Ibn 'Abdul 'Aziz pada zamannya menyeru diajarkan hadith dan fiqh ke seluruh negara. Di samping itu Abu Bakr Ibn Hazm mula menulis hadith

kerana bimbangkan kepupusan para penghafal. Al-Suyuti dalam kitab *Tanwir al-Hawalik* menyebut pada akhir zaman tabi'in, *athar* sudah dibukukan dalam satu bentuk penulisan secara bab-bab, terutama apabila timbulnya bid'ah golongan khawarij, Rawafid dan Muktazilah. Di antara mereka yang dipercayai terawal mengumpul hadith ialah Rabi' Ibn Subayh dan Sa'd Ibn Abu 'Urwyah. Begitu pun penulisan-penulisan tersebut tidak lengkap seperti *al-Muwatta'* dari segi penyusunannya.

Usaha Imam Malik menulis *al-Muwatta'* ini berlaku pada pertengahan abad ke 2 H. *Al-Muwatta'* disempurnakan penyusunannya kira-kira tahun 159 H. Kitab ini jika diteliti secara halus ternyata ia bukan sahaja merupakan kitab hadith dan fiqh, malah sebuah kitab yang terkandung di dalamnya tafsir dan sejarah.

Latarbelakang

Penyusunan hadith dalam kitab *al-Muwatta'* dikatakan atas arahan khalifah al-Mahdi. Al-Tabari pula mengatakan ia dilakukan atas arahan khalifah Abu Ja'far al-Mansur. Namun Dr. Muhammad Kamil Husein menolak kedua-dua riwayat itu atas alasan al-Mahdi baru dilantik menjadi khalifah pada tahun 158 H. Pada masa itu Imam Malik sudah berusia 65 tahun. Sedangkan penyusunan *al-Muwatta'* memakan masa lebih kurang 40 tahun seperti diakui sen diri oleh Imam Malik. Pada asalnya Imam Malik menghafal 100,000 hadith. Hadith-hadith ini ditulis dalam *al-Muwatta'* sebanyak 10,000. Dari masa ke semasa hadith-hadith itu dinilai semula sehingga jumlahnya tinggal 500 hadith sahaja.

Menurut kenyataan Syah Waliyullah al-Dihlawi (1114 - 1176 H.), kota Madinah pada zaman Imam Malik malah sebelum itu lagi menjadi tempat tumpuan ulama. Kitab *al-Muwatta'* adalah menjadi rujukan utama ulama dalam bidang hadith dan fiqh.

Riwayat Imam Malik Secara Ringkas

Malik Ibn Anas dilahirkan pada tahun 93 H. Keturunannya di sebelah bapa bersusur galur daripada Raja Himyar yang memerintah pada zaman jahiliah. Moyangnya Abu Amir dikatakan seorang sahabat yang turut berperang bersama-sama Nabi dalam semua peperangan kecuali perang Badar. Datuknya yang bernama Malik Ibn Abu Amir adalah antara kumpulan pertama rombongan dari Yaman yang berhijrah ke Hijaz, iaitu antara tabi'in yang sempat mendengar riwayat hadith daripada para sahabat. Bapanya tidaklah terkenal di bidang ilmu. Beliau dikatakan seorang tukang membuat alat panah. Walau bagaimanapun Anas ada mendengar riwayat hadith daripada bapanya.

Imam Malik belajar sejak usia masih kecil lagi. Beberapa ulama Madinah disebut menjadi guru-gurunya. Tokoh yang banyak mempengaruhi beliau ialah Abu Bakr Abd-Allah Ibn Yazid (lebih dikenali dengan Ibn Hurmuz m. 148 H.).

Imam Malik menceritakan kesungguhannya belajar dari Ibn Hurmuz di mana beliau datang awal pagi dan kembali apabila malam. Keadaan ini berlaku antara 7 hingga 8 tahun. Ada pula riwayat mengatakan hingga 13 tahun lamanya.

Tokoh lain yang turut mempengaruhi Imam Malik ialah Ibn Shihab al-Zuhri (m. 124 H.), seorang ulama Madinah yang cukup terkenal pada masa itu. Beliau seorang pengarang terkenal, pernah dilantik menjadi hakim dan mufti ketika berada di Sham, sehingga beliau berhijrah ke Madinah. Guru-guru lain lagi ialah Rabi'ah Ibn Abu 'AbdurRahman (m. 136 H.), Nafi' Ibn Mawla Abdullah Ibn 'Umar (m. 120 H.) dan Ja'far al-Sadiq. Banyak lagi guru-guru yang terdiri daripada ulama dari luar yang datang ke Hijaz untuk menunaikan ibadat Haji.

Pada masa hayatnya Imam Malik menyaksikan banyak perkembangan yang berlaku di dunia Islam yang kesannya amat penting kepada perkembangan politik, sosial dan intelektual, khususnya gerakan 'Abbasiyah yang membawa kepada revolusi 'Abbasiyah ke atas Amawiyah. Malik turut menyaksikan keadaan kacau bilau pemikiran. Ada segolongan yang mengambil sikap hipokrasi, ada yang menerima sahaja kenyataan yang wujud biar bagaimana buruk sekalipun. Sementara itu ada yang bersama-sama pemerintahan baharu dengan tujuan mendapat kedudukan. Tidak kurang pula yang berusaha mengembalikan semula pemerintahan lama iaitu kerajaan Umayyah. Sikap-sikap ini samalah dengan setiap kali berlakunya perubahan di mana-mana. Bagi pihak 'Abbasiyah sendiri mereka lebih takut kepada 'Alawiyin daripada Amawiyah.

Hijaz secara umum dan Madinah secara khusus menjadi pusat gerakan 'Alawiyin. Imam Ja'far al-Sadiq tinggal di situ. Bagi Imam Malik beliau tidak turut memberi saham secara positif kepada revolusi 'Abbasiyah kerana al-Mansur telah menghantar beliau bersama beberapa orang lain kepada Bani al-Hasan. Sikap Imam Malik dalam percaturan politik dan rampasan kuasa ini amat berhati-hati. Biar bagaimana pun beliau tidak terlepas dari ujian Bani 'Abbas sehingga beliau dihukum sebat. Hukuman dikenakan kerana fatwanya. Ada pendapat yang mengatakan kerana penolakan beliau terhadap jawatan hakim yang ditawarkan oleh al-Mansur kepada nya. Al-Mansur menganggap penolakan jawatan itu bermaksud tidak mahu memberikan kerjasama kepada pemerintah. Ada pula yang mengatakan al-Mansur tidak mengizinkan disebarkan hadith "Cerai Paksa". Imam Malik bertegas tanpa mengindahkan larangan khalifah sehingga sanggup dihukum.

Menurut Yahya Ibn Bakir, iaitu salah seorang murid Imam Malik, penyiksaan terhadap gurunya itu berlaku kerana beliau meletakkan 'Uthman lebih utama daripada Ali. Bagi Muhammad Kamil Husein, Profesor di Fakulti Sastera Universiti King Fuad I, Kahirah Mesir (Universiti Kahirah sekarang), isu hadith "Cerai Paksa" lebih munasabah, justeru kerajaan 'Abbasiyah menggunakan Imam Malik dan ulama lain secara paksa sebagai tempat sandaran pemerintahan mereka. Para khalifah cuba mendekati beliau sehingga al-Mahdi dikatakan belajar kitab *al-Muwatta'* daripada Imam Malik.

Imam Malik sebenarnya bukanlah penyokong pemerintahan 'Abbasiyah kerana

Imam Malik masih melihat pemerintahan sepatutnya berada di tangan peribadi-peribadi unggul seperti 'Umar Ibn al-Khattab dan 'Umar Ibn Abdul'Aziz.

Penilaian Ulama Terhadap *Al-Muwatta'*

Beberapa riwayat menyebut tentang pandangan Imam Syafi'i terhadap *al-Muwatta'*. Katanya: "Tidak ada kitab yang lebih sahih selepas al-Quran selain daripada kitab *al-Muwatta'*". Imam Ahmad Ibn Hanbal pula mempelajari kitab ini daripada beberapa penghafal hadith. Namun riwayat melalui Imam Syafi'i dianggapnya yang terbaik. Al-Bukhari sendiri menyatakan sanad hadith yang paling sahih ialah riwayat daripada Imam Malik melalui Nafi' daripada Ibn 'Umar.

Abu Bakr Ibn al-'Arabi dalam kitab *Syarh al-Tirmizi* mengatakan *al-Muwatta'* adalah asas yang pertama, sementara Kitab al-Bukhari pula asal yang kedua. Dari kedua-dua kitab ini didasarkan kitab-kitab hadith yang lain seperti kitab Muslim dan al-Tirmidhi.

Dengan ulasan para ulama muktabar tidak syak lagi *al-Muwatta'* menduduki tempat pertama dari segi hadith yang sahih dihimpunkan. Justeru itu ia mendapat sambutan dari para perawi di Madinah, Makkah, Mesir, Iraq, Andalusia, Qirawan, Tunis, Syam dan lain-lain. Oleh itu *al-Muwatta'* yang berpengaruh itu mempunyai beberapa versi naskhah di antara 20 - 30 versi.

Ringkasnya, dari segi hadith semua penulis hadith amat terhu tang budi kepada Imam Malik dan beliau dianggap guru kepada semua mereka yang terlibat di bidang hadith.

Dalam hubungan ini Syah Waliyullah al-Dihlawi mengatakan kitab *al-Muwatta'* adalah kitab hadith yang paling masyhur, paling tua dan paling lengkap. Ia diriwayat dan diberi ulasan malah dijadikan asas fiqh mazhab Maliki. Ia juga menjadi pegangan kepada mazhab Syafi'i dan Ahmad Ibn Hanbal. Mazhab Abu Hanifah juga banyak terhutang budi kepada kitab *al-Muwatta'*. Kalau *al-Muwatta'* diumpamakan sebagai pohon besar, mazhab-mazhab fiqh Islam bolehlah dianggap sebagai cabang-cabang dan ranting-rantingnya.

Kemasyhuran *al-Muwatta'* di kalangan ulama jelas apabila ia diberi ulasan dan huraian yang begitu banyak. Antara para pengu las dan penghurainya ialah:

- Ibn AbdulBarr
- Abu al-Walid Ibn al-Saffar
- Muhammad Ibn Sulayman
- Abu Bakr Ibn Sabiq
- Ibn Abi Sufrah
- Abu 'Abdullah Ibn Al-Hajj
- Abu al-Walid Ibn al-'Awwad
- Abu Muhammad Ibn al-Samid
- Abu al-Qasim Ibn al-Hiza' al-Katib

- Abu al-Hasan al-Isybili
- Ibn Syarahil
- Abu 'Umar
- Abu Bakr Ibn al-'Arabi
- 'Asim al-Nahwi dan banyak lagi.

Muhammad Fu'ad AbdulBaqi yang menjalankan usaha mentashih, *tarqim*, *takhrij* dan *ta'liq* mengguna berbagai naskhah sebagai perbandingan sehingga berjaya menerbitkan kitab *al-Muwatta'* yang boleh dianggap edisi terbaik berbanding dengan edisi-edisi sebelumnya.

Usaha Imam Malik Dalam *al-Muwatta'*

Imam Malik yang dikatakan mengetahui sebanyak 100,000 hadith memasukkan 10,000 darinya ke dalam *al-Muwatta'*. Begitu pun beliau terus menapis dari semasa ke semasa sehingga tinggal 500 hadith sahaja. Kata Imam Malik: "Saya menyusunnya selama 40 tahun". Demikian kaedah Imam Malik mengumpulkan hadith-hadith berdasar kepada metodologi yang ilmiah.

Imam Malik melihat ahli-ahli ilmu dikehendaki memiliki sifat taqwa dan warak. Selain *al-Muwatta'* beliau juga menulis:

- *Tafsir Gharib al-Quran*
- *Kitab Fi al-Aqdiyah*
- *Kitab al-Masa'il*
- *Kitab al-Isti'ab*
- *Risalah Fi al-Adab Wa al-Mawaidh*
- *al-Mujalasad*
- *al-Nujum Wa Hisab Dawrah al-Zaman*
- *al-Sirr Fi Ghara'ib al-Fiqh*
- *al-Mudawwanah*

Kitab *al-Muwatta'* sebagai buku yang paling awal di bidang fiqh mengklasifikasikan hadith menurut bab-bab hukum dibahagi kepada 61 kitab. Setiap

kitab ada mengandungi beberapa bab. Setiap bab pula mengandungi hadith-hadith. Bagi menjelaskan kenyataan di atas sila rujuk jadual berikut.

BIL.	KITAB-KITAB	BAB-BAB	JUMLAH HADITH
1	Waktu-waktu Sembahyang	1. Waktu Sembahyang	12
		2. Waktu Jumaat	2
		3. Siapa yang sempat satu rakaat sembahyang	4
		4. <i>Duluk al-Shams wa-Ghasaq al-Layl</i>	2
		5. Pengumpul waktu sembahyang	4
		6. Tidur Meninggalkan Sembahyang	2
		7. Larangan Sembahyang Tengahari Yang Terlalu Panas	2
		8. Larang Masuk Ke Masjid Dengan Bau Bawang Putih Dan Menutup Mulut	1
		JUMLAH HADITH	<u>29</u>

BIL.	KITAB-KITAB	BAB-BAB	JUMLAH HADITH
2	Bersuci	1. Amalan Dalam Wudu'	8
		2. Wudu' Orang Yang Tidur Apabila Bangun Sembahyang	3
		3. Bersuci Bagi Wudu'	4
		4. Perkara Yang Tidak Wajib Wudu'	3
		5. Tidak Berwudu' Kerana Menjamah Api	8
		6. Mengumpul Wudu'	10
		7. Menyapu Kepala Dan Dua Telinga	4
		8. Menyapu Atas Khuf	1
		9. Amalan Menyapu Atas Khuf	1
		10. Berdarah Hidung	3
		11. Amalan Pada Berdarah Hidung	2
		12. Amalan Orang Yang Luka Atau Berdarah Hidung	2
		13. Wudu' Kerana Mazi	3
		14. Rukhsah Meninggal Wudu' Kerana Mazi	2
		15. Wudu' Kerana Menyentuh Faraj	6
		16. Wudu' Kerana Lelaki Mengucup Perempuan	3

BIL.	KITAB-KITAB	BAB-BAB	JUMLAH HADITH
		17. Amalan Mandi Junub	4
		18. Wajib Mandi Apabila Bersetubuh	5
		19. Wudu' Orang Berhadass Besar Untuk Tidur Atau Makan Sebelum Mandi Wajib	3
		20. Mengulangi Mandi Junub Apabila Bersembahyang dan Lupa Mandi Junub	5
		21. Mandi Perempuan Bermimpi	2
		22. Mengumpul Mandi Wajib	3
		23. Tayammum	3
		24. Amalan tayammum	2
		25. Tayammum Junub	1
		26. Apa Yang Halal Bagi Lelaki Ketika Isterinya Haid	4
		27. Menyucikan Perempuan Haid	3
		28. Jami' al-Hidah	4
		29. Mustahadah	5
		30. Kencing Kanak-kanak	2
		31. Kencing Orang Berdiri	2
		32. Siwak	3
		Jumlah Hadith	<u>115</u>

BIL.	KITAB-KITAB	BAB-BAB	JUMLAH HADITH
3	Sembahyang	1. Seruan Untuk Sembahyang	9
		2. Seruan Dalam Musafir	4
		3. Kadar Sahur Dengan Azan	2
		4. Iftitah Sembahyang	7
		5. Bacaan Dalam Sembahyang Maghrib Dan Isyak	5
		6. Amalan Pada Bacaan	5
		7. Bacaan Dalam Sembahyang	4
		8. Mengenai Ummu al-Quran	2
		9. Bacaan Di Belakang Imam	4
		10. Meninggalkan Bacaan Di Belakang Imam Yang Membaca Secara Nyaring	2
		11. Mengaminkan Di Belakang Imam	3
		12. Amalan Ketika Duduk Dalam Sembahyang	5
		13. Tasyahhud Dalam Sembahyang	4
		14. Mengangkat Kepala Sebelum Imam	1
		15. Memberi Salam Selepas Dua Rakaat (Terlupa)	4

BIL.	KITAB-KITAB	BAB-BAB	JUMLAH HADITH
		16. Sembahyang Orang Yang Syak Tentang Wudu'	3
		17. Orang Yang Terus Qiyam (Bangun) Selepas Selesai Atau Selepas Dua Rakaat	2
		18. Melihat Ketika Sembahyang Pada Perkara Yang Memasyghulkan	4
		Jumlah Hadith	<u>70</u>

Dari contoh di atas melalui tiga bahagian, Imam Malik membincangkan 40 bab dengan meriwayatkan 185 hadith. Apa yang menarik dalam perbincangan ini, bab-bab hadith tersebut disusun menurut bab-bab fiqh secara ditil. Selebih dari itu Imam Malik membuat beberapa penjelasan atau komentar terhadap hadith-hadith. Umpamanya komentar tentang bab (20) dalam bahagian bersuci. Katanya: "Seseorang yang mendapati pada pakaiannya kesan mimpi (yakni air mani), dan tidak diketahui bila masa berlaku mimpi, hendaklah dia mandi selepas bangun dari tidur, yang dia sedar ada kesan air mani itu".

Maksudnya kitab *al-Muwatta'* bukan sekadar menyusun hadith-hadith Rasulullah s. 'a.w., tetapi di sana sini diselitkan dengan pandangan fiqh Imam Malik dalam banyak isu. Melalui *al-Muwatta'* misalnya, Imam Malik berpendapat: "Barang siapa yang mandi hari Jumaat, sama ada awal atau akhir dengan niat mandi Jumaat, apabila terbatal wudu', hendaklah diambil wudu semula, tetapi mandinya sudah dianggap mendapat pahala dan tidak perlu diulangi semula".

Beberapa Pandangan Imam Malik Dalam Kitab *Al-Muwatta'*

Selepas membincangkan soal waktu sembahyang, bersuci, sembah yang dan di bincang pula hadith mengenai zakat, puasa, iktikaf dan Haji.

Bab-bab berikut selepas ibadat khusus, tumpuan diberi kepada bab-bab Jihad, Nazar dan Sumpah, Qurban, Pemburuan, Aqiqah, Faraid, Perkahwinan, Perceraian dan Penyusunan. Kemudian beliau berpindah kepada hukum mu'amalat seperti jual-beli, hutang piutang, Musaqah, Syuf'ah, Kehakiman, Wasiat, Perhambaan dan

memerdekakan hamba, hamba tebusan, hudud mengenai hal minuman (halal dan haramnya), diyat, tebus nyawa dan lain-lain.

Di sini diperturunkan beberapa contoh pandangan Imam Malik dalam *al-Muwatta'* mengenai hukum:

- (a) Jihad: Imam Malik ditanyai tentang seorang yang mewajibkan diri berperang, tetapi dihalangi oleh kedua ibubapanya. Kata beliau: Hendaklah ditanggguh ke tahun lain, supaya tidak menderhakai mereka”.
- (b) Nazar: “Barang siapa yang bernazar untuk melakukan maksiat, maka tidak wajib ditunaikan nazar itu. Tidak juga wajib ditunaikan perkara yang bukan berupa ketaatan kepada Allah, seperti nazar berjalan kaki ke Mesir, atau ke Syam. Apa yang mesti dilakukan ialah nazar yang berupa ketaatan”.
- (c) Korban: “Seorang yang menyembelih korban, sebaik-baiknya menyembelih seekor lembu atau kambing, atau berkongsi tujuh bahagian dengan ahli keluarga. Ada pun berkongsi dengan orang lain, khususnya korban (*nusuk*) dilarang. Kerana ada hadith melarangkan berkongsi pada *nusuk*. Kecuali dari sebuah rumah (keluarga)”.
- (d) ‘Aqiqah: “Aqiqah bukanlah amalan wajib, tetapi sunat diamalkan. Ia menyamai *nusuk* dan korban. Maka hendaklah mengaqiqah binatang yang sejahtera dari kecacatan”.
- (e) Perkahwinan: “Jika seseorang lelaki berzina dengan perempuan, maka dikenakan hukum had. Beliau boleh mengahwini anak perempuan pasangan (perempuan) yang dizinai itu. Perempuan pula boleh menikahi anak lelaki bagi pasangan (lelakinya) itu. Kerana mereka melakukan persetubuhan haram. Apa yang diharamkan ialah hasil dari persetubuhan yang halal”.
- (f) Hudud: Imam Malik menanyakan Ibn Syihab tentang amalan kaum Nabi Lut (homoseksual) kata Ibn Syihab: “Hendaklah direjam”. Seseorang yang mencuri pada kadar yang patut dipotong tangan. Tetapi dipulang semula harta itu kepada tuannya. Ia dikenakan hukum potong tangan juga, kerana telah melakukan pencurian. Sama seperti seorang yang minum arak, tetapi tidak mabuk ia hendaklah disebat”.
- (g) Peminum Arak: Kata Imam Malik: “Setiap mereka yang minum arak yang sepatutnya mabuk, dia dikenakan had sama ada dia mabuk atau tidak”.
- (h) Pakaian: “Imam Malik membenci perbuatan memakaikan anak kecil lelaki dengan perhiasan emas, kerana Nabi melarang memakai cincin emas. Maka hukum tersebut terkena kepada lelaki sama ada tua atau muda”.

Demikian beberapa contoh fiqh Imam Malik yang dinukilkan di dalam kitab *al-Muwatta'*. Justeru itu di dalam bidang fiqh, Imam Malik dikira sebagai lapisan ketiga yang mewarisi ilmu fiqh. Lapisan pertama terdiri daripada para sahabat dan

lapisan kedua para tabi'in.

Kitab *al-Muwatta'* tidak syak lagi sebuah kitab yang amat bernilai hingga Imam Syafi'i mengatakan ia paling sahih selepas al-Quran. Malah kata al-Dihlawi, kitab-kitab hadith *Sunan Sittah* merupakan *syarah* bagi *al-Muwatta'*.

Wallahu A'lam.

Buku Rujukan

1. Anwar al-Jundi, *Nawabigh al-Fikr al-Islami*, Dar al-Ra'iid, Beirut, cetakan 1, 1972.
2. Fathi Uthman, *Al-Fikr al-Qanuni al-Islami*, Kahirah, t.t.
3. Mahmood Zuhdi Abdul Majid, *Sejarah Pembinaan Hukum Islam*, JPUM, Universiti Malaya, 1988.
4. Malik Ibn Anas, *al-Muwatta'*, Tahqiq: Muhammad Fuad Abd-al-Baqi, Dar-al-Hadis, t.t.
5. Manna' al-Qattan, *al-Tashri' Wa al-Fiqh Fi al-Islam*, Beirut, 1982.
6. Muhammad Abu Zuhrah, *Tarikh al-Madhahib al-Islamiyyah*, Dar al-Fikr al-Arabi, Kahairah, t.t.
7. Muhammad Salam Madkur, *Manahij al-Ijtihad Fi al-Islam Fi al-Ahkam al-Fiqhiyyah*, Kuwait, 1984.